



KENYATAAN MEDIA

FRI GELANG PATAH BERJAYA MENTERNAK UDANG PUTIH SECARA SUPERINTENSIF

1. Penyelidik perikanan dari FRI Gelang Patah telah menjalankan Kajian Penyelidikan Ternakan Udang Pada Kepadatan Tinggi bermula pada tahun 2016 hingga 2018 dan telah berjaya **meningkatkan hasil pengeluaran udang putih (*vannamei*) kepada 40 tan metrik/hektar/pusingan.**
2. Ternakan udang putih (*vannamei*) secara super intensif dengan kepadatan 250 ekor/m² ini menunjukkan **peningkatan 4 – 5 kali ganda** berbanding penghasilan ternakan yang diamalkan di Malaysia ketika ini.
3. Sebelum ini, pengeluaran udang putih di Malaysia adalah sekitar 10 hingga 18 tan metrik/hektar/pusingan dengan kadar hidup 75 hingga 90 peratus dengan nisbah kadar penukaran makanan antara 1:1.4 hingga 1:1.8.
4. Bekalan benih udang putih (SPF) diperolehi daripada hatceri benih udang marin yang beroperasi di Desaru, Johor. Setiap ekor udang akan diberi makan sebanyak tiga hingga empat kali sehari dengan makanan rumusan sehingga menghasilkan udang **seberat 20 hingga 21 gram seekor**. Penuaian berperingkat (*partial harvest*) diamalkan apabila udang mencapai saiz purata melebihi 12 gram.
5. Kos operasi yang ekonomik mampu memberi keuntungan kepada pengusaha yang dapat menjana pendapatan antara **RM4,000 hingga RM5,000 sebulan** dengan kolam berkeluasan 0.1 hektar dan beroperasi 2 kali setahun.
6. Ini menunjukkan **operasi ternakan superintensif ini tidak menjejaskan prestasi tumbesarannya** dan tempoh ternakan juga tidak berbeza dengan amalan operasi ternakan udang putih di Malaysia dan beberapa negara pengeluar yang lain.
7. Saiz udang ini adalah mengikut kepada permintaan di pasaran yang dapat menawarkan harga jualan berdaya saing dan menguntungkan pengusaha ternakan udang.
8. Kejayaan penyelidikan di FRI Gelang Patah ini disaksikan melalui Perasmian Kejayaan Penyelidikan Ternakan Udang Putih (*Penaeus Vannamei*) Superintensif dirasmikan oleh Ketua Pengarah Perikanan, YBhg. Dato' Hj. Munir b. Mohd Nawi.

9. Penyelidik perikanan di FRI Gelang patah memaklumkan bahawa, kerja-kerja pembersihan dan penyediaan kolam dilakukan dengan menggunakan kapur pertanian dan racun "Tea Seed Cake". Manakala pengudaraan dan pemusingan air dilakukan dengan menggunakan "paddle wheel" dan blower "super charger" serta probiotik pula dimasukkan mengikut saranan yang diberi oleh pengeluar.
10. Parameter kualiti air seperti saliniti, suhu, pH dan oksigen terlarut dalam air diukur setiap hari dan kepekatan amonia, nitrit dan nitrat dan fosfat dalam air diukur secara mingguan.

###

Kenyataan media ini disiarkan oleh :

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia
Wisma Tani, Putrajaya

22 Oktober 2019 (Selasa) jam 10:00 pagi

Sebarang pertanyaan sila hubungi :-

No. Tel : 019-705 3646 (Dr Saberi)
012-356 9344 (Yazeereen)
012-664 9570 (Aqilah)

Email : ukk@dof.gov.my ; pro@dof.gov.my